



**JOURNAL OF TOURISM,
HOSPITALITY AND
ENVIRONMENT MANAGEMENT
(JTHER)**
www.jther.com



**KESENIAN ALAT MUZIK LAMBANG TRADISI KAUM
MELAYU BRUNEI PANTAI BARAT SABAH**

*THE ART OF MUSICAL INSTRUMENT SYMBOL OF THE MALAY TRADITION
OF BRUNEI MEMBAKUT, SABAH*

Nurfarain Abdul Rahman^{1*}, Mohd Sohaimi Esa^{2*}, Saifulazry Mokhtar³, Sharifah Darmia Sharif Adam⁴

¹ Pascasiswazah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah.

Email: syafiqzaini120398@gmail.com

² Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: msahaimi@ums.edu.my

³ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

⁴ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: shdarmia@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.09.2022

Revised date: 10.10.2022

Accepted date: 30.11.2022

Published date: 15.12.2022

To cite this document:

Abdul Rahman, N., Esa, M. S., Mokhtar, S., & Adam, S. D. S. (2022). Kesenian Alat Muzik Lambang Tradisi Kaum Melayu Brunei Pantai Barat Sabah. *Journal of Tourism Hospitality and Environment Management*, 7 (30), 136-147.

DOI: 10.35631/JTHER.730011

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Artikel ini membincangkan tentang kesenian alat muzik lambang tradisi kaum Melayu Brunei di pantai barat, Sabah. Menyentuh aspek kesenian, ia merupakan sebahagian daripada budaya yang kaya dengan homogen serta keindahannya. Suku kaum ini mempunyai kesenian yang tersendiri mengikut budaya dan agama masing-masing. Bagi kaum yang beragama Islam, mereka menggunakan seni alat muzik untuk tujuan yang tidak bercanggah dengan agama sekali gus melambangkan tradisi kehidupan sesuatu kaum terutamanya kaum Melayu Brunei di pantai barat Sabah. Kulintangan dan gambus telah dianggap sebagai satu tradisi alat muzik bagi kaum tersebut. Alat muzik ini telah lama dikenali oleh kaum lain, malah ia sering dimainkan semasa majlis perkahwinan, festival dan sebagainya. Alat muzik kaum Melayu Brunei mempunyai persamaan dan perbezaan dari kaum lain di Sabah. Walau bagaimanapun, skop kajian tertumpu di pantai barat Sabah kerana kawasan ini masih mengekalkan alat muzik sebagai kesenian tradisi kaum Melayu Brunei. Dalam kajian ini, pendekatan kaedah kualitatif diaplikasikan sebagai metodologi bagi memperolehi hasil dapatan. Oleh itu, artikel ini akan membincangkan persepsi kaum Melayu dalam penerimaan seni alat muzik sebagai tradisi dan usaha-usaha yang dilakukan oleh kaum Melayu Brunei serta usaha-usaha kaum Melayu Brunei dan pihak berkepentingan untuk melestarikan tradisi kulintangan dan gambus sebagai seni alat muzik.

Kata Kunci:

Lambang, Tradisi, Melayu, Alat muzik, Sabah

Abstract:

This article discusses the art of traditional musical instruments of the Bruneian Malays on the west coast, Sabah. Touching on the artistic aspect, it is part of a culture rich in homogeneity and beauty. These tribes have their own arts according to their respective cultures and religions. For people who are Muslims, they use the art of musical instruments for purposes that do not conflict with religion and thus symbolize the life traditions of a race, especially the Bruneian Malays on the west coast of Sabah. Kulintangan and gambus have been considered as a traditional musical instrument for the people. This musical instrument has long been known by other races, and it is often played during weddings, festivals and so on. The musical instruments of Brunei's Malays have similarities and differences from other races in Sabah. However, the scope of the study is focused on the west coast of Sabah because this area still preserves musical instruments as a traditional art form of Brunei Malays. In this study, a qualitative method approach was applied as a methodology to obtain findings. Therefore, this article will discuss the perception of the Malays in accepting the art of musical instruments as a tradition and the efforts made by the Malays of Brunei as well as the efforts of the Malays of Brunei and stakeholders to preserve the tradition of kulintangan and gambus as an art of musical instruments.

Keywords:

Emblem, Tradition, Malay, Musical Instruments, Sabah

Pengenalan

Seni merupakan sebahagian daripada budaya yang kaya dengan homogen serta keindahannya. Menurut Frank (2000) pelbagai seni yang wujud antaranya ialah seni alat muzik, seni halus, seni teater, seni sastera dan tarian. Setiap kaum mempunyai kesenian yang tersendiri mengikut budaya dan agama masing-masing. Seni yang dipersembahkan oleh sekelompok masyarakat sangat luar biasa kerana mereka mempunyai kelebihan yang semula jadi atau sememangnya sudah diajar sejak kecil lagi. Mutakhir ini, alat muzik sangat penting dalam kehidupan manusia sama ada ia dipersembahkan secara langsung atau dalam pelbagai cara. Muzik dikatakan telah wujud sejak permulaan tamadun yang memainkan peranan dan kepentingan terhadap masyarakat di seluruh dunia (Gabu, 2019). Fungsi dan keistimewaan alat muzik ini boleh dilihat dan didengar dalam semua budaya kaum di Sabah terutamanya kaum Melayu Brunei di Membakut, Sabah. Misalnya, seni alat muzik menjadi keutamaan bagi kaum Melayu Brunei semasa majlis kelahiran, majlis perkahwinan, majlis berkhatan, majlis Aqiqah, majlis graduasi dan sebagainya (Tahir et al., 2006). Daripada penerangan di atas, jelaslah bahawa kehadiran alat muzik dalam kehidupan manusia amatlah bermakna ianya bukan sahaja dapat mengeratkan hubungan silaturrahim sesama kaum malah mampu menjana pendapatan keluarga.

Menyentuh tentang kaum Melayu Brunei di pantai barat Sabah, kaum ini sangat terkenal dengan alat muzik kulintangan dan gambus. Tidak dapat dinafikan bahawa alat muzik ini menjadi nadi dan teladan bagi generasi kini. Seni budaya kaum Melayu Brunei dikatakan memiliki alat muzik yang sama dengan kaum lain di Sabah, namun terdapat perbezaan dan persamaan bagi setiap alat tersebut. Menurut informan, kulintangan dan gambus adalah mainan

muzik yang perlu ada bagi keluarga kaum Melayu Brunei (Hj Taba, 2022). Tanpa alat muzik ini sesuatu majlis keramaian tidak begitu meriah serta dianggap sebagai satu kekurangan bagi tradisi kaum Melayu Brunei di pantai barat Sabah.

Kajian ini dilakukan berteraskan dua objektif kajian untuk menerangkan kronologi penceritaan agar dapat difahami oleh pembaca. Pertama, membincangkan persepsi kaum Melayu dalam penerimaan seni alat muzik sebagai tradisi. Kedua, usaha-usaha yang dilakukan oleh kaum Melayu Brunei serta usaha-usaha kaum Melayu Brunei dan pihak berkepentingan untuk melestarikan tradisi kulintangan dan gambus sebagai seni alat muzik.

Permasalahan Kajian

Dalam meniti arus kemodenan ini, seni alat muzik kulintangan dan gambus semakin tidak menyerlah khususnya anak-anak muda. Mereka yang tinggal di kawasan luar bandar telah diberi pendedahan berkenaan alat muzik tersebut berbanding di bandar, ada sesetengah daripada mereka langsung tidak mahu mengambil seni tradisi terutamanya kaum Melayu Brunei Membakut, Sabah. Tidak dapat dinafikan pula ada juga generasi baru yang mula diajar bagaimana untuk memainkan orkestra kulintangan dan gambus sejak kecil lagi. Dalam kata lain, kaum Melayu Brunei yang memiliki pengetahuan sahaja mampu mempertunjukkan gambus kerana ia akan menyukarkan seseorang untuk mempertunjukkan secara langsung sekiranya tiada kemahiran dalam alat muzik itu (Abdullah, 2002). Keadaan ini tentunya menimbulkan rasa bimbang bahawa literasi terhadap kecenderungan seni kulintangan dan gambus tidak menyerlah dan lenyap disebabkan hal-hal yang tertentu.

Di samping itu, generasi kini turut menganggap bahawa kulintangan dan gambus hanya sesuai dimainkan semasa majlis perkahwinan, perayaan tuai padi, upacara animisme bagi kaum yang tidak beragama Islam dan sebagainya (Undang, 2018). Bukan itu sahaja, golongan ini langsung tidak mahu mempelajari seni memainkan kulintangan dan gambus serta berpendapat alat muzik ini dipinggirkan kerana ia tidak seiring dengan alat muzik moden. Akibatnya, generasi baru masih terbelenggu dengan cara berfikir yang sempit berkenaan seni alat muzik yang tidak membawa kepentingan kepada mereka mahupun sosio-ekonomi dalam sesebuah kaum di Sabah. Rosli (2013) pula mengartikulasikan bahawa pengaruh muzik barat terutamanya pada pertengahan abad ke-20 telah menjejaskan kemajuan alat muzik tradisional. Hal ini tercetus apabila mereka lebih cenderung kepada keseronokan sahaja tanpa menghayati setiap irama alat muzik tersebut (Rosli, 2013). Bagi kaum yang mahu mengekalkan alat muzik sebagai seni tradisi mereka, seharusnya kaum ini tidak wajar hanya akur dengan arus yang songsang. Ini kerana muzik barat jarang mempunyai makna yang tersendiri bagi irama atau jenis alat muzik. Natijahnya, semua kaum perlu menyadari seni memainkan atau menghasilkan alat muzik adalah asbab yang penting di samping menarik perhatian pelancong antarabangsa dari aspek keunikan dan keindahan alat tersebut.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian dalam penyelidikan ini menggunakan kaedah penyelidikan mengikut disiplin sejarah iaitu pendekatan kajian Kualitatif. Kajian Kualitatif lebih tertumpu kepada naratif perbincangan dalam sesebuah penulisan. Data Kualitatif boleh diperolehi melalui tiga jenis data iaitu hasil pemerhatian, hasil pembicaraan dan bahan bertulis (Patton, 1990). Bagi menjalankan penyelidikan, pengkaji perlu mengaplikasikan metod untuk mendapatkan dapatan kajian. Perkara ini disokong oleh Lebar (2012:109) di mana beliau menyatakan bahawa kaedah pemerhatian adalah metod yang sangat penting dalam kajian tersebut. Oleh itu, bolehlah

dikatakan pengkaji dapat menyaksikan sesuatu peristiwa atau tingkah laku manusia secara langsung terutamanya semasa kaum Melayu Brunei memainkan alat muzik tradisional tanpa paksaan. Tambahan pula, pengkaji akan mencatat semua hasil dapatan melalui apa yang telah disaksikan secara terbuka.

Selain itu, kajian Perpustakaan digunakan dalam mengumpul sumber primer dan sumber sekunder berkaitan kajian tersebut. Antara Perpustakaan yang dikunjungi oleh pengkaji ialah Perpustakaan Negeri Sabah, Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Perpustakaan Penyelidikan Borneo Tun Haji Mohd. Fuad Stephens, Arkib Negeri Sabah dan sebagainya. Penggunaan sumber-sumber sejarah dalam penyelidikan amat memudahkan untuk memberi penerangan serta gambaran tentang sesuatu peristiwa yang berlaku dalam tempoh masa yang lalu dan bukan hanya menjadi khayalan semata-mata dengan kesejarahannya tidak dapat dipertanggungjawabkan (Ibrahim, 2016:188). Penulisan buku-buku, akhbar, latihan ilmiah ataupun esei yang menganalisis sesuatu yang penting bersangkut paut pada alat muzik yang melambangkan tradisi kaum Melayu Brunei di Membakut, Sabah. Seterusnya, kaedah temu bual juga digunakan dalam penulisan artikel ini. Sebelum berjumpa dengan informan, pengkaji menyediakan beberapa soalan berkaitan alat muzik tradisi kaum Melayu Brunei di Membakut, Sabah khususnya reka bentuk, fungsi alat muzik, irama dan sebagainya. Hasil daripada penelitian sumber-sumber ini telah memperlihatkan kesenian alat muzik yang menjadi lambang kepada tradisi kaum Melayu Brunei di Membakut, Sabah.

Dapatan dan Perbincangan

Persepsi Kaum Melayu Brunei dalam Penerimaan Seni Alat Muzik Kulintangan dan Gambus

Seni memainkan kulintangan dan gambus adalah seni yang luar biasa kerana semua kaum tidak mempunyai keistimewaan secara semula jadi untuk mempunyai kemahiran dalam seni alat muzik. Dalam hal ini, seseorang kaum perlu menguasai kemahiran alat ini supaya ia masih menjadi tradisi yang diamalkan secara berterusan bagi setiap kaum. Lantaran itu, artikel ini akan membincangkan bagaimana persepsi kaum Melayu Brunei dalam penerimaan kulintangan dan gambus sebagai seni alat muzik tradisi di pantai barat Sabah.

Kulintangan



Rajah 1.1: Orkestra Kulintangan

Sumber: Koleksi Pengkaji

Umum mengetahui bahawa, alat muzik kaum Melayu Brunei dijadikan sebagai salah satu alat untuk menghiburkan sama ada dalam sesuatu majlis atau hiburan semata-mata. Pada asalnya, alat muzik kaum ini banyak ditemui namun hanya diperolehi dari sebahagian alat sahaja. Hal ini tercetus apabila sesetengah informan sukar mengingat alat muzik serta alat tersebut semakin lenyap disebabkan perkembangan teknologi dan pembawaan budaya yang drastik. Abdullah (1993:2) menyatakan bahawa antara alat muzik tradisi kaum Melayu Brunei ialah:-


1. Gulintangan
2. Gambus
3. Biola
4. Rampana
5. Tangkung
6. Dombak
7. Guriding
8. Guritik
9. Umpung
10. Bangsi
11. Gandang Sadaman

Alat-alat muzik tersebut telah menjadi kepunyaan bagi kaum Melayu Brunei Darussalam. Sementara itu, kaum Melayu Brunei di pantai barat Sabah sangat kerap mengaplikasikan alat muzik kulintangan dan gambus sebagai tradisi. Manakala, gandang sadaman dimainkan oleh kaum Melayu Brunei di beberapa kawasan sahaja. Justeru itu, kajian ini menekankan penerimaan seni alat muzik kulintangan dan gambus.

Menurut Gabu (2019:81) kulintangan merupakan alat muzik yang dikategorikan sebagai idiofon iaitu satu set gong cerek periuk kecil yang disusun dalam barisan lurus pada dua tali dalam bingkai kayu kecil. Kemahiran menguasai Kulintangan ini sememangnya diturunkan oleh tradisi dari generasi ke generasi mengikut kaum di Sabah. Gabungan instrumen, tarian,

irama dan proses pengeluaran alat muzik ini berbeza-beza. Peralatan menghasilkan alat muzik kaum di Sabah juga tidak sama di mana ianya diperbuat daripada bahan semula jadi. Kulintangan pula diperbuat menggunakan zink atau gangsa (Gabu, 2019:80). Menurut pernyataan Pugh-Kitingan (2004), kulintangan adalah sebahagian tradisi alat muzik bagi masyarakat orang asli di Sabah lebih daripada 200 tahun kerana berlakunya peredaran dan perdagangan alat ini melalui Kesultanan Brunei dan Filipina.

Carta Pai 1.1: Adakah Kaum Melayu Brunei di Pantai Barat Mengenali Kulintangan Sebagai Alat Muzik Tradisi



Menyentuh tentang bilangan gong dalam set kullintangan, bilangan gong kaum Melayu Brunei di pantai barat Sabah tidak sama dari tujuh hingga sembilan gong kecil (Hj Taba, 2022). Kaum Melayu Brunei di kawasan pantai timur menggunakan bilangan gong kecil yang bergantung kepada kumpulan etnik (Gabu, 2019:81). Pemain kulintangan terdiri daripada lima orang wanita atau lelaki dan posisi badan mereka semasa memainkan kulintangan dalam keadaan duduk di kerusi manakala pemain kulintangan gong kecil akan duduk bersila mengikut keselesaan. Tempoh masa memainkan kulintangan ini mengambil sepuluh minit kerana bunyi irama muzik tidak terlalu panjang, akan tetapi terdapat banyak jenis bunyi irama kulintangan yang dimainkan oleh kaum Melayu Brunei di pantai barat Sabah. Kulintangan dianggap sebuah alat muzik ketika majlis perkahwinan sebagai petanda atau pemberitahuan adanya majlis perkahwinan di sesuatu kawasan (Mohd Noor, 2022). Kulintangan akan disediakan dalam masa seminggu sebelum tarikh perkahwinan berlangsung. Alat muzik ini juga dimainkan sewaktu hari memuncang beramai-ramai untuk menyiapkan keperluan bagi pihak pengantin dari segi penyediaan makanan, pelamin dan sebagainya.

Mengikut pemerhatian pengkaji di Kampung Pimping iaitu ibu kepada Abdul Rahman Bin Hj Zinin iaitu Hajah Achang Binti Dipong, ibunya mempunyai kulintangan tersendiri walaupun alat ini bukan asalnya dari pembuatannya sendiri. Apabila masyarakat di sekitar kampung

mengadakan hari perkahwinan, mereka akan menyewa kulintangan ini sebagai penghibur dalam memeriahkan majlis tersebut. Anggaran sewaan yang dikenakan oleh Hajah Achang Binti Dipong bermula RM500 sehingga RM800 sahaja. Sekiranya ahli keluarga beliau ingin menyewa kulintangan ini, beliau tidak akan mengenakan harga pada sewaan kerana beliau menganggap ianya sebagai satu sedekah kepada keluarganya (Hj Zinin, 2022). Pada waktu yang sama, beliau juga mahir memainkan alat muzik kulintangan dan seni ini diwariskan kepada anak dan cucu cicitnya agar mereka tidak lupa peninggalan warisan budaya nenek moyang.

Lain daripada itu, kulintangan akan dimainkan selepas majlis berbedak bagi pengantin lelaki atau wanita iaitu selepas jam 8 malam. Setelah itu, kulintangan dan gambus akan dimainkan serta diiringi dengan penari-penari zapin atau masyarakat di sekitarnya. Menurut Hj Zinin (2022), beliau pernah menganjurkan pertandingan *bagandang* atau kulintangan serta cabutan ticket bertuah di kediamannya. Mereka telah menyediakan beberapa hadiah seperti hamper untuk diberikan kepada pemenang. Juri pertandingan ini terdiri daripada orang yang berkebolehan dalam kulintangan serta sanak-saudara. Di akhir pertandingan ini, persembahan daripada juri iaitu *bagandang* dan *banaindung*. Naindung ialah kumpulan sastera lisan yang merangkumi penulisan puisi dan susunan khas pantun kaum Melayu Brunei (Ahmad 2011). Naindung dinyanyikan secara beramai-ramai dengan nada yang sederhana perlahan dan diikuti dengan pukulan orkestra kulintangan. Satu lagi perkara yang menarik ialah kulintangan ini mempunyai pantang larang yang perlu diikuti oleh kaum Melayu Brunei. Kulintangan tidak boleh dilangkah oleh kaum ini dan binatang peliharaan. Hal ini disebabkan ia boleh mempengaruhi kepada bunyi irama kulintangan ini. Dapat disimpulkan bahawa kulintangan ini bukan sahaja untuk sosioekonomi kaum Melayu Brunei malah mempunyai makna di sebalik keunikan dan keistimewaan kulintangan ini.

Selain pantang larang, kaum Melayu Brunei di pantai barat Sabah juga perlu menghormati agama Islam. Mereka perlu berhenti bermain kulintangan semasa azan berkumandang. Sekiranya permainan alat muzik ini diteruskan, ia boleh mengganggu ketenteraman kaum lain yang mendengar azan dilaungkan oleh imam. Jelaslah Sebelum mengakhiri penulisan ini, alat muzik adalah warisan budaya tidak ketara paling diutamakan dalam semua perspektif kehidupan manusia iaitu hari kelahiran, perkahwinan, pengebumian, ibadat, graduasi dan sebagainya (Tahir et al., 2006). Di Sabah, alat muzik kulintangan dikaitkan dengan upacara adat dan penanaman padi. Tambahan pula, alat muzik ini sudah dibahagikan mengikut kordofon, aerofon, idiofon dan membranofon (Gabu, 2019). Walaupun kaum di Sabah kaya dengan warisan alat muzik, namun pembelajaran tentang alat muzik tradisional berlaku penurunan prestasi muzik tradisional dengan perkembangan teknologi moden seperti televisyen, radio, video dan pemain VCD (Pugh-Kitingan, 2004).


Gambus

Gambus merupakan simbolik kesenian bagi kaum Melayu Brunei di pantai barat Sabah. Seni memainkan gambus turut dibicarakan sebagai tunjang kepada warisan budaya tidak ketara kaum Melayu Brunei sejak turun-temurun lagi. Dengan adanya seni alat muzik seperti ini, identiti kaum Melayu Brunei lebih menonjol dan dikenali khalayak ramai. Kaum Melayu Brunei mula mengenali gambus sekitar tahun 1600 sehingga tahun 1699 iaitu abad ke-17 dalam pelbagai asal dari negara lain (Awang Damit & Jaaffar, 2015). Menurut A.Sufri (2015), gambus yang dimainkan sudah melalui proses asimilasi mengikut warisan budaya kaum yang memperkenalkannya.

Pada pertengahan dekad 1950 sehingga permulaan tahun 1960-an, penggiat gambus sangat dominan terutamanya golongan belia kaum Melayu Brunei Membakut dan Bongawan berbanding daerah lain di kawasan pantai barat Sabah (Awang Damit, 2015:121). Terdapat beberapa jenis gambus yang dikenali oleh kaum Melayu Brunei sekitar tahun 1970-an antaranya ialah gambus seludang, gambus selindang labu, gambus selindang penyu dan gambus selindang buntal. Keempat-empat jenis gambus ini, gambus Seludang adalah gambus yang lebih kerap digunakan dalam kalangan kaum Melayu Brunei di pantai barat Sabah. Bahkan, gambus ini sudah pernah popular pada tahun 1950 terutamanya di Membakut.

Reka bentuk gambus Seludang pula, gambus ini berbentuk lebih bujur dan panjang serta di bahagian perutnya tidak dalam di samping ukiran gambus Seludang ini turut melambangkan ciri-ciri kesenian dan kehidupan suku kaum Melayu Brunei (Awang Damit, 2015:124). Selain itu, gambus ghazal, gambus biawak, gambus Palembang mempunyai bentuk yang sama dengan gambus Seludang. Begitu juga dengan gambus Hadhramaut yang popular di Sabah, namun ianya tidak disukai serta tidak mendapat sambutan daripada kaum Melayu Brunei (Awang Damit & Jaaffar, 2015:124). Gambus Seludang kurang diminati oleh generasi muda. Hal ini menggambarkan bahawa mereka berminat menggunakan gambus yang mempunyai perubahan dari segi reka bentuk iaitu bahagian perut lebih kembang dan leher tidak terlalu panjang untuk memberi keselesaan khususnya pemain gambus.

Carta Pai 1.2: Respon terhadap Golongan Melayu Brunei yang Memainkan Kulintangan dan Gambus



Lanjutan daripada huraian yang telah dinyatakan di atas, gambus dimainkan oleh kaum Melayu Brunei yang berusia 40 tahun sehingga 75 tahun ke atas. Ini berbeza dengan generasi muda yang kurang berminat dalam seni alat muzik gambus kerana mereka kian meminati alat muzik moden seperti Drum, Keyboard, Gitar elektrik dan lain-lain. Golongan berusia 40 tahun ke atas

menyimpan kefasihan dan berhasrat untuk mempelajari serta memainkan alat muzik ini. Ada sesetengah daripada mereka sudah pernah diajar oleh datuk nenek moyang supaya tradisi ini akan dikekalkan oleh kaum Melayu Brunei.

Dari segi persepsi kaum Melayu Brunei dalam penerimaan gambus, tradisi bergambus sudah menjadi satu kebudayaan yang terkenal dalam kalangan kaum Melayu Brunei. Irama petikan gambus sememangnya sudah serasi dan ia boleh diasingkan dari sambutan perayaan atau perkahwinan Kaum Melayu Brunei di Membakut, Sabah (Hj Zinin, 2022). Gambus dimainkan semasa majlis perkahwinan iaitu pada malam berinai pengantin lelaki dan pengantin perempuan. Sebelum berlangsung hari perkahwinan, keluarga pihak lelaki atau perempuan akan menghubungi ketua pemain gambus untuk memesan alat muzik ini dengan menetapkan tarikh perkahwinan anak mereka (Hj Zinin, 2022). Gambus akan dipersembahkan selepas majlis berinai pihak pengantin. Setelah pemain gambus terdiri daripada pemetik gambus seramai dua atau tiga orang lelaki dan diiringi kaum wanita. Ini bermaksud gambus dimainkan dengan irama joget atau zapin dalam bahasa Melayu Brunei (Abdul Rashid, 2010:3), tarian Aduk-aduk, tarian Samalindang, tarian Naindung dan sebagainya (Awang Jambol, 201) untuk memeriahkan lagi suasana di rumah pengantin.

Di samping itu, kaum Melayu Brunei memainkan gambus bagi mengisi masa lapang untuk tujuan kerohanian semasa kerohanian dalam upacara penyembuhan batin iaitu mengalai atau berasik serta memuja pantai (Abdul Rashid, 2010). Kontradiksinya, kaum Melayu Brunei tidak mempraktikkan perbuatan tersebut kerana ia melanggar dengan ajaran agama Islam. Lain daripada itu, irama gambus bersangkutan dengan irama padang pasir dan liriknya juga banyak meniru lirik berzanji di samping lirik memuji besaran Allah SWT (Awang Damit, 2015). Kaum Melayu Brunei di pantai barat, Sabah terlalu produktif sehingga mencipta lirik lagu yang membawa makna berbagai-bagai mesej. Sebagai analogi, mesej dalam lirik gambus mampu menghiburkan petani untuk bekerja mencari kelangsungan hidup. Mesej dalam lirik yang seterusnya berkenaan dengan kehidupan kaum Melayu Brunei semasa pemerintahan tentera Jepun. Oleh itu, mesej dalam lirik gambus dibuat untuk mengutarakan kesengsaraan sekali gus rasa dendam terhadap tentera Jepun (Awang Damit, 2015:129).

Selain daripada aspek sosial, gambus mendatangkan manfaat dalam aspek ekonomi. Hal ini bermaksud kaum Melayu Brunei yang menceburi dalam bidang alat muzik ini boleh menghasilkan sebuah gambus daripada pelbagai jenis, kemudian dijual kepada kaum lain di Sabah atau Semenanjung yang memerlukan gambus ini. Mengikut dokumentasi pembuatan gambus yang telah dijalankan pada tahun 2008 sehingga tahun 2009 (Abdul Rashid, 2010:4), Encik Tajual @ Tajul Munchi merupakan salah seorang yang membuat gambus seludang sempena bentuk seludang mayang pinang dan memberi tanggapan tentang keindahan kepada gambus yang dihasilkan. Walhal begitu, kaum Melayu Brunei juga membuat gambus untuk kegunaan mereka sahaja tanpa menjual kepada mana-mana masyarakat bagi mengelakkan kekurangan bilangan semasa berlatih gambus. Akhir kata, gambus mempunyai banyak manfaat bukan sahaja aspek sosial malah ekonomi yang mampu memberi pendapatan kaum Melayu Brunei di pantai barat, Sabah. Malahan, seni alat muzik ini dapat menarik perhatian masyarakat lain dari segi persembahan dan sebagainya.

Usaha-Usaha Kaum Melayu Brunei Dan Pihak Berkepentingan Dalam Melestarikan Tradisi Kulintangan Dan Gambus Sebagai Seni Alat Muzik

Kaum Melayu Brunei di pantai barat Sabah sangat menekankan warisan budaya tidak ketara yang dimiliki sejak bertahun-tahun dahulu. Merujuk kepada permasalahan kajian, generasi muda lebih gemar menghayati hiburan daripada negara lain seperti Korea. Hal ini demikian kerana kemampuan pemasaran dan ramai artis yang tampan atau cantik menyebabkan generasi ini semakin berminat dengan hiburan lain. Perkara ini sangat berbeza semasa zaman nenek moyang di mana banyak persembahan tradisi seperti persembahan tarian atau alat muzik dijadikan sebagai alternatif untuk menceriakan di samping menarik perhatian generasi ini dalam warisan budaya ini. Bak kata peribahasa Melayu, “*yang lama dikelek, yang baharu didukung*” serta “*tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas*”. Peribahasa ini memberi maksud adat tradisi tidak sepatutnya dilupakan walaupun mengalami pembaharuan sosio-budaya. Maka, kaum Melayu Brunei dan penglibatan pihak berkepentingan perlu menjalankan usaha-usaha melestarikan kulintangan dan gambus sebagai satu alat muzik yang melambangkan tradisi mereka.

Salah satu usaha yang telah dilaksanakan bagi melestarikan warisan budaya tidak ketara seni alat muzik kulintangan dan gambus adalah kaum Melayu Brunei di pantai barat, Sabah boleh mengaplikasikan platform media massa seperti Facebook, Instagram, Twitter, Youtube dan lain-lain untuk mendedahkan maklumat kulintangan dan gambus serta membuka mata sama ada generasi muda yang hilang dibawa arus hiburan selain tradisi nenek moyang (Abdul Rahman, 2022). Beliau melihat kebanyakan suku kaum di Sabah semakin memperlihatkan tradisi mereka khususnya tarian dan alat muzik melalui penggunaan Facebook dan Youtube. Pihak stesen televisyen iaitu RTM Sabah dan Majalah TV3 sering membuka siaran berkaitan dokumentasi alat muzik kulintangan dan gambus. Siaran ini sangat menarik minat khususnya golongan yang berusia 40 tahun ke atas, ada juga generasi muda yang berminat melihat siaran tersebut sehingga mencari maklumat tentang alat muzik tersebut. Meskipun mereka tidak mampu memainkan kulintangan atau gambus, tetapi mereka ada usaha untuk menambahkan pengetahuan untuk diberikan kepada anak-anak atau adik kandung mereka supaya tidak lagi ketinggalan zaman.



Rajah 1.2: Pemain Gambus

Sumber: Koleksi Pengkaji

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Seterusnya, kaum Melayu Brunei perlu melestarikan seni dan warisan budaya tidak ketara yang masih wujud sehingga kini. Sebagai contoh, persembahan tarian dan alat muzik kulintangan dan gambus semakin kurang mendapat sambutan. Penglibatan pihak yang berkepentingan seperti Persatuan Masyarakat Melayu Brunei Sabah (PMBS) amat diperlukan pada masa kini untuk mengangkat semula keunikan kulintangan dan gambus sebagai satu tradisi kaum Melayu Brunei di pantai barat, Sabah. Misalnya, pihak PMBS telah mengadakan Pesta Gambus peringkat negeri Sabah khusus kaum Melayu Brunei. Gambus akan dimainkan oleh pemain gambus yang berasal daripada pelbagai daerah seperti Membakut, Bongawan, Papar dan kawasan yang terlibat. Fauziah Binti Suhaili atau nama panggilan *Fauziah Gambus* ialah seorang pemain wanita yang berkebolehan memainkan gambus sambil menyanyi sehingga dikenali di seluruh Malaysia. Asmady Idris, Saat Awang Damit, Dzurizah Ibrahim dan Baszley Bee Basrah Bee (2022:29) berpendapat bahawa semasa pesta gambus berlangsung, pelbagai corak persembahan berbentuk pakaian, tarian dan nyanyian akan dipertontonkan kepada khalayak ramai. Dengan adanya pesta gambus ini, ia mampu menyemarakkan semangat kaum Melayu Brunei khusus generasi muda untuk mendalami ilmu gambus ini.

Selain mengadakan pertandingan di peringkat negeri, kaum Melayu Brunei juga membuat pertandingan kulintangan antara kampung yang terdapat di Membakut, Sabah iaitu Kampung Pimping dan Kampung Brunei, Membakut. Hal ini demikian kerana kaum Melayu Brunei banyak tinggal di kampung tersebut dan majoriti daripada mereka sememangnya asal Melayu Brunei yang berhijrah dari negara Brunei Darussalam di sebalik itu ada juga berkahwin dengan kaum Melayu Brunei Darussalam. Kesannya, budaya dari negara Brunei Darussalam secara langsungnya dibawa masuk ke Sabah hingga kini masih dilakukan oleh kaum Melayu Brunei di pantai barat Sabah. Pertandingan ini dibuka dengan penyertaan daripada kaum wanita yang lebih menceburi dalam alat muzik kulintangan kerana kaum lelaki sangat jarang memainkan alat muzik kulintangan (Abdul Rahman, 2022). Adapun di antara kaum lelaki yang memainkan kulintangan ini, mereka hanya menggunakan orkestra kulintangan seperti gendang atau lebih dikenali oleh kaum Melayu Brunei di Membakut iaitu *gudabak* supaya kulintangan sempurna dimainkan oleh mereka.

Rumusan

Tegasnya, kulintangan dan gambus melambangkan khazanah dan budaya kaum Melayu Brunei yang perlu dipelihara. Kebanyakan kaum lain masih tidak mengetahui asal usul dan cara memainkan kedua-dua alat muzik tersebut. Walaupun kaum Melayu Brunei tidak dikenali secara menyeluruh, namun dari sudut pandangan ia boleh diubah dengan menegenahkan budaya tradisi terhadap seni alat muzik kulintangan dan gambus. Kita mengakui hakikat bahawa alat muzik adalah perkara yang bermanfaat dalam proses budaya yang seiring dengan kehidupan sosial sesuatu kaum di Sabah. Bahkan, melihat kepada masalah kaum pada hari ini lebih memandang rendah terhadap perkara yang lama, akan tetapi mereka tidak mengerti bahawa perkara yang lama ini akan mewujudkan perkara baharu. Natijahnya, kehidupan masyarakat yang mengalami perubahan tidak perlu mempertaruhkan budaya tradisi yang menjadi peraturan hidup bagi setiap masyarakat.

Kulintangan dan gambus masih terlihat keistimewaan dan relevansi jikalau kita terus mengekalkan kedua-dua alat muzik terutamanya majlis perkahwinan dan lain-lain. Jika semua kaum Melayu Brunei di pantai barat Sabah berganding bahu, ibarat ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni, Insha Allah warisan nenek moyang kaum Melayu Brunei semakin kekal. Tambahan pula, kajian seni alat muzik kaum Melayu Brunei di pantai barat Sabah perlu banyak

dijalankan oleh para pengkaji lain sebagai rujukan akan datang. Penglibatan pertubuhan-pertubuhan seperti NGO dialu-alukan untuk mengambil pelbagai inisiatif dan intensif supaya kaum di Sabah lebih berbakat dalam seni ini melalui program atau majlis Kaum Melayu Brunei.

Penghargaan

Manuskrip ini diterbitkan melalui sebahagian dari dana Geran Penerbitan dari Global Academic Excellence (M) Sdn Bhd.

Rujukan

- Abd Aziz Abdul Rashid. 2010. *Proses Pembuatan Gambus Masyarakat Melayu Brunei Sabah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaysia.
- Adsone Matthew Mitty Gabu. 2019. Kulintangan: A Study of Production Process. *International Journal of Heritage, Art and Multimedia*, 2(5), 80-89.
- Asmady Idris, Saat Awang Damit, Dzurizah Ibrahim, Baszley Bee Basrah Bee. 2022. *Tradisi dan Budaya Warisan Masyarakat Brunei Sabah Suatu Pengenalan*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Awang Mohd Jamil Al-Sufri. 2005. *Rampai Sejarah: Meniti Sejarah Silam*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Nurnabilla Binti Rosli. 2013. *Gambus Sebagai Seni Warisan yang Perlu Dipelihara*. Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Pengurusan Seni): Universiti Malaysia Sarawak.
- Othman Lebar. 2012. *Penyelidikan Kualitatif: pengenalan kepada teori dan metod*. Tanjong, Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Pugh-Kitingan, J. 2004. *Selected papers on music in Sabah*. Kota Kinabalu: Kadazandusun Chair, Universiti Malaysia Sabah.
- Sahwati Binti Undang. 2018. *Eksperimentasi Kajian Tindak Balas Getaran Muzik Kulintangan Terhadap Seni Cahaya (Leser)*. Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif: Universiti Malaysia Sarawak.
- Saat Awang Damit. 2015. *Sejarah dan Kesenian Masyarakat Brunei Sabah*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia.
- Saat Awang Damit & Jamilah Jaaffar. 2015. *Sejarah dan Kesenian Masyarakat Brunei Sabah*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia.
- Tahir, R. M., Ghazali, G. M. 2006. Music Teacher Training Programs in Malaysia: Snapshots and Reflections of the Current Scenario. Perspectives on Music Education in Malaysia.

Responden Temu bual

- Abdul Rahman Bin Hj Zinin. 2022. *Temu bual*. Kampung Pimping, Membakut Sabah.
- Muhammad Aiqal Adli Bin Mohd Noor. 2022. *Temu bual*. Kampung Binsulok, Membakut Sabah.
- Rapih Binti Hj Taba. 2022. *Temu bual*. Kampung Pimping, Membakut Sabah.